

Harian metro  
6/4/2015  
mls 8

# Hanya 2 mayat sempurna lain hangus, tak cukup sifat

**Semenyih:** "Hanya dua mayat ditemui dalam keadaan sempurna manakala dua mayat ditemui dalam keadaan hangus terbakar dan dua lagi dalam keadaan tidak cukup sifat," kata Penguasa Kanan Bomba Dua, Cawa-

ngan Pengurusan Pasukan Penyelamat dan Operasi (STORM) Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Putrajaya, Ismail Abd Ghani. Beliau yang juga pegawai penyelamat yang tiba awal di lokasi nahas memberitahu

hanya dua mayat ditemui dalam keadaan cukup sifat manakala dua mayat hangus terbakar kira-kira 80 peratus manakala dua lagi mayat ditemui dalam keadaan beberapa anggota badan terpisah. Menurutny, sebaik tiba di

lokasi kira-kira jam 5.30 petang, dua mayat ditemui dalam keadaan sempurna di bawah timbunan bangkai pesawat. Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan identiti mayat yang terbakar dan

ditemui dalam keadaan tidak sempurna. Menceritakan detik mencari dan menyelamat, Ismail berkata, pihaknya segera melakukan kaedah pengesanan yang dibahagikan kepada beberapa sektor dalam

200 meter persegi radius pencarian. "Ia kemudian dikesilkan kepada 150 meter persegi hingga 50 meter persegi pencarian sebaik menemui bangkai helikopter di kawasan luar berbukit," katanya.

Oleh Yusri Abdul Malek, Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Nazarali Saeril, Mohd Razlan Salleh, Hairulazim Mahmud, Fairul Asmaini Pilus, Siti Fatimah Hassan, Iskandar Shah Mohamed, Amir Abd Hamid, Mohd Firdaus Ibrahim, Mohd Fadly Samsudin, Kalidevi Mogan Kumarappa, Raja Noraina Raja Rahim, Suraya Roslan, Yusmizal Dolah Aling, Muhammad Hafis Nawawi, Siti A'isyah Sukaimi, Junaidi Ladjana, Mahaizura Abd Malik, Nurul Awatif Romli, Siraj Mohd Zaini, Ikram Ismail, Aizat Sharif, Mohamad Azim Fitri Abd Aziz, Mohd Rizal Abdullah dan Mohd Hanafis Mohd Haris  
am@hmetro.com.my




DARI dua kanan, Liow dan Azharuddin menunjukkan kotak hitam milik helikopter yang terhempas, kelmarin.



■ Siasatan helikopter terhempas tumpu cuai, cuaca buruk, sabotaj, masalah teknikal

# Fokus

## EUROCOPTER SA 365/AS365 DAUPHIN 2 (DOLPHIN)



- Helikopter enjin berkembar pelbagai guna dengan berat sederhana
- Dikeluarkan oleh Airbus Helicopters
- Dibangunkan oleh firma Perancis, Aerospatiale yang digabungkan bersama syarikat multinasional Eurocopter pada tahun 1990 an
- Melalui proses pengeluaran selama lebih 40 tahun sejak 1975
- Berkongsi banyak persamaan dengan Aerospatiale SA360 iaitu sejenis helikopter enjin tunggal yang gagal dikomersilkan
- Memenuhi kehendak pelanggan dan digunakan oleh pelbagai pihak termasuk ketenteraan dan orang awam
- Beberapa variasi utama dan versi khusus dibangunkan sejak Dauphin 2 dikeluarkan pada 1970an, termasuk Eurocopter Panther (berorientasikan ketenteraan), HH/MH-65 Dolphin (kerja menyelamat laut dan udara), Harbin Z-9 (dikeluarkan di China) dan Eurocopter EC155 (lebih moden)

### SPESIFIKASI UMUM

Siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mencari punca helikopter Eurocopter Dauphin AS365N2 dinaiki Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis terhempas hingga mengorbankan Ahli Parlimen Rompin itu bersama lima yang lain, kelmarin, tertumpu kepada empat kemungkinan.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata, empat kemungkinan itu ialah kecuatan manusia, cuaca buruk, sabotaj dan masalah teknikal.

“Siasatan PDRM akan fokus kepada punca ataupun sebab kejadian manakala Jabatan Penerbangan Awam (DCA) pula akan membuat siasatan dari segi teknikal,” katanya yang ditemui di Bilik Mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.

Menurutnya, sepasukan anggota penyiasat PDRM semalam masuk semula ke lokasi nahas untuk mencari dan mengumpul bahan bukti.

“Sehingga kini dua saksi kejadian sudah dirakamkan percakapan mereka. Polis juga akan menemu duga saksi lain yang tinggal di kawasan kejadian,” katanya sambil memberitahu setakat ini pihaknya membuka siasatan mengikut laporan kematian mengejut.

Dalam kejadian di Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru, Semenyih, jam 4.55 petang itu, lima lagi yang



terbunuh ialah Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Azlin Alias, Pengarah Urusan SP Baiduri Sdn Bhd Datuk Tan Huat Seang, juruterbang helikopter Kapten Clifford Fournier, pegawai peribadi Jamaluddin Lans Koperal Razakan B Seran dan penolong pegawai operasi Aidana Baizieva.

Jamaluddin yang juga Pengerusi Perbadanan PRIMA menaiki helikopter berkenaan dari Kuantan ke Subang selepas menghadiri majlis resepsi perkahwinan anak perempuan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Pekan, Pahang.

Pengarah Operasi Penerbangan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) Datuk Yahya Abdul Rahman pula berkata, wakil DCA akan ditempatkan di lokasi setiap hari sehingga proses siasatan selesai.

“Hari ini (semalam), tiga

wakil DCA dan dua pegawai Kementerian Pengangkutan sudah masuk ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan.

“Berdasarkan tinjauan dari udara, tiada tanda menunjukkan helikopter berkenaan melanggar apa-apa objek kerana ia terbang pada ketinggian 500 meter dari aras laut,” katanya ketika ditemui di lokasi nahas.

Beliau menjangka laporan awal nahas itu akan diketahui dalam tempoh tujuh hari selepas siasatan terperinci selesai dijalankan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai memberitahu, belum ada pengesahan berlaku letupan di udara sebelum helikopter berkenaan terhempas, biarpun ada saksi mengatakan terdengar bunyi letupan kuat dan ternampak badan pesawat berkecai.

Beliau berkata, siasatan awal masih berjalan dan selagi siasatan belum selesai, khabar

# empat faktor

**FAKTA**  
“Helikopter terbang pada ketinggian 500 meter dari aras laut

## Tiada isyarat kecemasan

**Putrajaya:** Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai mengesahkan tiada sebarang isyarat kecemasan daripada helikopter Eurocopter Dauphin AS365N2 diterima Menara Kawalan Trafik Udara (ATC), Subang sebelum ia terhempas di Sungai Pening, Semenyih.

Beliau berkata, komunikasi terakhir antara helikopter itu dan menara kawalan direkodkan ketika ia memohon untuk memulakan penerbangan.

“Ini perkara biasa kepada helikopter apabila sudah dibenarkan untuk terbang, ia boleh terus terbang.

“Melainkan sekiranya terdapat permintaan ketika ia diterbangkan, mereka

boleh menghubungi terus menara kawalan,” katanya.

Liow berkata, pemeriksaan dengan ATC juga sudah dilakukan dan menunjukkan tiada isyarat kecemasan direkodkan daripada helikopter itu.

Menurutnya, helikopter berkenaan dalam keadaan baik serta selamat untuk diterbangkan.

“Kali terakhir helikopter itu diperiksa pada 29 Januari lalu manakala ujian penerbangan dibuat pada 9 Februari lalu.

“Malah, sijil kelayakan terbang bagi helikopter berkenaan sudah diperbaharui pada 13 Februari lalu serta sah sehingga 8 Februari 2016,” katanya.

Selain itu, kata Liow, he-

lingan mengenai letupan itu dianggap tidak benar.

“Tidak ada sebarang maklumat lain (mengenai letupan), siasatan secara menyeluruh sedang dijalankan,” katanya yang ditemui ketika memberi penghormatan ter-

akhir di kediaman Jamaluddin di Seri Kembangan, dekat sini, semalam.

Menurutnya, ‘kotak hitam’ di dalam pesawat berkenaan akan memberi petunjuk penting mengenai apa yang sebenarnya berlaku.

likopter berkenaan dikeluarkan Airbus Helicopters yang dulu dikenali sebagai Eurocopter France serta dibuat pada 1990 dan berusia kira-kira 25 tahun.

Katanya, helikopter itu juga menggunakan laluan betul dan dibenarkan seperti yang dipohon sebelum ia diterbangkan.

Berhubung kotak hitam, beliau berkata, ia akan dihantar ke Biro Siasatan Kemalangan Udara (AAIB), Farnborough, United Kingdom (UK) dalam masa terdekat untuk dianalisis.

“Kita memerlukan masa tiga atau empat hari mengeluarkan semua data dalam kotak hitam itu selain kira-kira seminggu lagi bagi membuat analisis,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Polis Selangor Datuk Abdul Samah Mat berkata, kotak hitam pesawat berkenaan ditemui dalam keadaan baik di sekitar lokasi nahas kira-kira jam 11.30 pagi, semalam.

Kru:	2 atau 3 juruterbang
Kapasiti:	11 orang penumpang
Panjang:	13.73 meter
Tinggi:	4.06 meter
Berat kosong:	2,411 kilogram (kg)
Berat maksimum berlepas:	4,300 kg
Kelajuan maksimum:	306 kilometer sejam